



Ruj. Kami: UPMH/ET/02/2/2.7
Tarikh: 16 Mei 2019

Semua Pelajar
Program Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Putra Malaysia

Tuan/Puan,

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER KEDUA 2018/2019 BAGI PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester Kedua 2018/2019 telah dijadualkan pada **21, 22 dan 23 Jun 2019 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)** di semua pusat pembelajaran. Sila rujuk jadual peperiksaan terkini dalam laman web UPM Education & Training satu minggu sebelum hari peperiksaan sekiranya terdapat perubahan.

Sehubungan dengan ini, pihak UPM Education & Training menyokong agar tuan/puan mendapatkan cuti tanpa rekod daripada Ketua Jabatan atau majikan masing-masing bagi menghadiri peperiksaan berkenaan.

Semua pelajar adalah diwajibkan untuk membawa **Slip Pendaftaran kursus** semester terkini ketika peperiksaan dijalankan sebagai rujukan dan semakan **kod kursus** dan **pusat pembelajaran**. Pelajar juga **tidak dibenarkan menukar pusat peperiksaan** tanpa kelulusan Unit Akademik UPM Education & Training. Pelajar juga diingatkan untuk mematuhi peraturan berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam petikan Akta Universiti dan Kolej 1971 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia (Arahan Am Peperiksaan).

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

Yang benar,
UPM Education & Training

SAKINAH BINTI SAAD
Eksekutif Unit Akademik